

Perubahan dan Sinkretisme dalam Amalan Sogit Tanah Masyarakat Dusun Islam Ranau Sabah: Perspektif Islam

The Changes and Syncretism in The Practice of Sogit Land in Dusun Society in Sabah: An Islamic Perspective

Mohammad Firdaus Hasmin¹, Syamsul Azizul Marinsah², Suraya Sintang³

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia;

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia;

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia;

Progres Artikel

Diterima: 7 Jun 2022

Disemak: 25 Julai 2022

Diterbit: 30 November 2022

*Perhubungan Penulis:

Mohammad Firdaus Hasmin, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia;
Email: mu1921017t@student.ums.edu.my;

Abstrak: Masyarakat Dusun merupakan kaum peribumi yang majoriti di negeri Sabah. Kepercayaan asal masyarakat ini adalah pagan yang dipengaruhi oleh unsur-unsur animisme. Namun, sejak kedatangan agama Islam di negeri Sabah bermula sekitar abad ke-15 Masihi, secara perlahan-lahan, sedikit sebanyak masyarakat Dusun mula beralih kepada agama Islam. Di Sabah, penempatan utama masyarakat Dusun adalah di daerah Ranau. Daerah Ranau terbahagi kepada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Kundasang, DUN Karanaan dan DUN Paginatan. Berdasarkan kepada ketiga-tiga DUN tersebut, penempatan masyarakat Dusun yang beragama Islam adalah tertumpu di DUN Kundasang. Kebudayaan masyarakat Dusun Islam pula, dihiasi dengan pelbagai ciri khazanah warisan silam daripada datuk nenek moyang mereka sama ada dalam budaya yang berbentuk material mahupun bukan material. Dengan itu, kajian memfokuskan dua objektif utama, pertama, menjelaskan perubahan yang berlaku dalam amalan sogit tanah (budaya bukan material) sebelum dan selepas masyarakat Dusun telah memeluk agama Islam. Kedua, membincangkan unsur-unsur sinkretisme yang wujud dalam amalan sogit tanah di antara ajaran pra-Islam dengan Islam, di samping membuat penilaian daripada perspektif hukum Islam. Justeru, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berlandaskan kaedah observasi, temubual, dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa amalan sogit tanah yang diamalkan oleh masyarakat Dusun Islam di daerah Ranau telah banyak berlaku perubahan sebelum dan selepas kedatangan agama Islam. Rentetan itu, wujud unsur sinkretisme antara ajaran Islam dan pra-Islam yang tidak boleh diamalkan.

Kata kunci: Amalan sogit, sinkretisme, Etnik Dusun, perspektif hukum Islam, Daerah Ranau

Abstract: The Dusun community is the majority indigenous people in Sabah. The original beliefs of this society were pagan, influenced by elements of animism. However, since the advent of Islam in the state of Sabah began around the 15th century AD, some of the Dusun community slowly began to convert to Islam. In Sabah, the main settlement of the Dusun community is in the Ranau district. Ranau District is divided into three State Legislative Assemblies (DUN), namely DUN Kundasang, DUN Karanaan, and DUN Paginatan. Based on the three DUNs, the settlement of the Muslim Dusun community is concentrated in the

Kundasang DUN. The culture of the Dusun Islam community, on the other hand, is decorated with various features of the past heritage treasures of their ancestors, whether in material or non-material culture. Thus, the study focuses on two main objectives; first, to explain the changes in the practice of *sogit tanah* (non-material culture) before and after the Dusun community had embraced Islam. Second, discuss the elements of syncretism inherent in the practice of *sogit land* between pre-Islamic teachings and Islam and assess from the perspective of Islamic law. Thus, this study uses a qualitative approach based on observation methods, interviews, and document analysis. The results of the study found that the practice of land *sogit* practiced by the Muslim Dusun community in Ranau district has undergone many changes before and after the advent of Islam. Consequently, there is an element of syncretism between Islamic and pre-Islamic teachings that cannot be practiced.

Keywords: *Sogit* practices, syncretism, Dusun Ethnicity, Islamic legal perspectives; Ranau District

Pengenalan

Sogit adalah suatu amalan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Dusun di Sabah (Pg Ismail, 2018). Istilah *sogit* berasal daripada bahasa Dusun iaitu *osogit* yang bererti 'sejuk' (Sansalu, 2008). Dalam bahasa Dusun, *sogit* adalah kata lawan bagi *alasu* yang bermaksud 'panas' (Wati, 1978). Pada hari ini, *sogit* telahpun diamalkan secara rasmi di Mahkamah Anak Negeri (MAN) Sabah. Ianya boleh dirujuk dalam Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995. Justeru, dalam mendefinisikan istilah *sogit*, ianya boleh dilihat daripada dua perspektif. Pertama, perspektif undang-undang dan kedua perspektif kearifan masyarakat Dusun itu sendiri.

Berdasarkan Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, *sogit* diterjemahkan sebagai 'denda', 'denda adat', 'hukuman', 'pampasan', dan 'ganti rugi'. Manakala, dari sudut kearifan masyarakat Dusun, ia mempunyai makna yang sangat luas. Hal ini kerana, makna *sogit* seringkali disandarkan kepada fungsinya (Marcus Faizal, 2021). Di antaranya adalah, denda, ganti rugi, gantian, gaji, upah, pengeras, tanda terima kasih, perjanjian, pantang, pensucian dan sedekah (Marcus Faizal, 2021, Arena Wati, 1978). Sebagai contoh, apabila si suami mati, secara adat si isteri perlu mengikuti *sogit-sogitnya* (pantang-pantanganya), seperti si isteri perlu *disogit*kan (disucikan) dari 'badi' si mati (arwah suami) dengan cara mandi *sogit* (mandi pensucian) sama ada di tepi sungai ataupun di tepi pantai oleh seorang *bobolian* (gelaran bagi rahib wanita dalam bahasa Dusun) (Arena Wati, 1978; Temu bual Pn. Shima, 2021).

Perubahan Dalam Sogit Tanah

Sogit tanah (mendamaikan tanah) adalah *sogit* (denda) yang dikenakan kepada individu yang didapati telah melakukan kesalahan zina (sumbang mahram)(Temu bual En. Parasin, 2021). Dalam Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, *sogit tanah* dirujuk sebagai *sogit kepanasan kampung* atau *sogit kepanasan tanah* (Temu bual En. Parasin, 2021; Temu bual En. Marcus Faizal, 2021; Temu bual En. Dualis, 2021). Berdasarkan Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995 juga, *sogit kepanasan kampung* (terdiri daripada haiwan berkaki empat seperti kerbau, lembu ataupun khinzir) perlu diserahkan kepada ketua kampung (tempat zina itu dilakukan) untuk diadakan suatu kenduri, upacara ataupun ritual sembelihan (mengorbankan) bagi mendamaikan, menenangkan dan mensucikan semula kawasan kampung daripada dosa (dosa zina), serta menolak bala (musibah) impak daripada kelakuan sumbang tersebut. Semasa ritual sembelihan itu dijalankan, semua warga kampung dijemput hadir untuk menyaksikan upacara sembelihan itu dilaksanakan (Temu bual En. Dualis, 2021; Temu bual En. Annuar, 2022).

Perubahan pertama yang dikenalpasti telah berlaku dalam *sogit tanah*, adalah dari segi pemilihan individu yang berperanan sebagai tukang sembelih *sogit kepanasan kampung*. Asalnya (sebelum Islam), tukang sembelih adalah *bobolian* (Temu bual En. Annuar, 2022). Menurut seorang informan, *bobolian* dirujuk sebagai nabi oleh orang Dusun, terutamanya yang menetap di daerah Bundu Tuhan, Ranau (Temu bual En. Siansim, 2021). Oleh itu, *bobolian* adalah individu yang

paling layak untuk menyembelih *sogit kepanasan kampong* (Temu bual En. Siansim, 2021). Namun, ianya telah berubah selepas masyarakat Dusun memeluk agama Islam, tukang sembelih tidak lagi dilakukan oleh *bobolian* tetapi digantikan dengan imam-imam kampung, para ustaz atau individu yang beragama Islam (Temu bual En. Ruhatin, 2021; Temu bual En. Samuien, 2021; Temu bual En. Parasin, 2021; Temu bual En. Manan, 2021; Temu bual En. Annuar, 2021; Temu bual En. Siansim, 2021). Ketertiban sembelihan juga telah mengikut petunjuk Islam seperti membaca *bismillah*, *bertakbir* dan menghadap ke arah kiblat (Temu bual En. Ruhatin, 2021).

Perubahan kedua yang dikenalpasti telah berlaku dalam *sogit* tanah adalah pada pandangan masyarakat Dusun terhadap daging sembelihan *sogit kepanasan kampong*. Pandangan yang asal (sebelum Islam) adalah, daging sembelihan *sogit kepanasan kampong* tidak boleh dimakan (Wati, 1978). Larangan itu kerana, haiwan yang disembelih itu sebenarnya menjadi penanggung atau penebus dosa zina yang berlaku sehingga kampung tersebut dapat kembali aman seperti sedia kala (Temu bual En. Parasin, 2021). Perkara tersebut menyebabkan daging sembelihan *sogit kepanasan kampong* dianggap kotor (penuh dengan dosa), maka ia tidak boleh dan tidak layak untuk dimakan. Bahkan, menurut En. Siansim (2021), dahulu masyarakat Dusun pagan akan menggantung bangkai haiwan *sogit kepanasan kampong* di suatu tempat di dalam hutan selama beberapa hari, sebagai tanda pensogitan (pensucian) telah selesai dilaksanakan. Selain daripada itu, ia sebagai satu isyarat kepada dewa *Kauluung*, bahawa penebusan dosa telah dilakukan (Wati, 1978; Temu bual En. Siansim, 2021). Namun, pandangan sedemikian rupa telah berubah selepas masyarakat Dusun memeluk agama Islam, dengan menjadikan daging sembelihan *sogit kepanasan kampong* sebagai suatu sedekah (Temu bual En. Parasin, 2021; Temu bual En. Ruhatin, 2021; Temu bual En. Samuien, 2021) yang diagih-agihkan kepada masyarakat kampung untuk dimakan (Pg Ismail, 2018).

Perubahan ketiga yang dikenalpasti telah berlaku dalam *sogit* tanah adalah pada pembacaan yang dibaca oleh tukang sembelih semasa ritual *sogit kepanasan kampong* dilakukan. Asalnya (sebelum memeluk Islam), sewaktu penyembelihan, *bobolian* akan membacakan mantera-mantera, dalam bahasa rohani (bahasa ketuhanan) (Sintian, 2012). Dalam bahasa Dusun, mantera diterjemahkan sebagai *rinait* ataupun *inait* (Sintian, 2012; Temu bual En. Annuar, 2022). Menurut Appel (1986), asal perkataan *rinait* adalah *ra'it* yang bermaksud 'untuk dibaca', manakala *rinait* bermaksud 'telah dibaca'. Menurut Hamid et.al (2013), masyarakat kebanyakan iaitu orang Dusun biasa, tidak memiliki kepandaian untuk membaca *rinait*. Hal ini kerana,

kemampuan tersebut hanya dimiliki oleh golongan *bobolian* sahaja. Namun, selepas masyarakat Dusun memeluk agama Islam, pembacaan mantera ataupun *rinait* ini telah digantikan dengan pembacaan doa-doa selamat dan juga doa tolak bala yang kebiasannya terdapat dalam buku *Yassin* (Temu bual En. Ruhatin, 2021; Temu bual En. Samuien, 2021; Temu bual En. Annuar, 2021).

Berdasarkan ketiga-tiga perubahan tersebut, maka jelaslah bahawa amalan *sogit* tanah dalam kalangan masyarakat Dusun telah mengalami perubahan ke arah ajaran agama Islam. Sungguhpun begitu, penilaian dari sudut perspektif Islam tetap perlu dilakukan untuk menilai sama ada setiap perubahan yang berlaku tidak mewujudkan unsur sinkretisme di antara ajaran pra-Islam dengan Islam yang bertentangan dengan syariat Islam.

Sinkretisme Dalam Sogit Tanah

Istilah sinkretisme umumnya merupakan istilah daripada bahasa Inggeris iaitu *syncretism* (Kamus Bahasa Inggeris, 2020). Manakala istilah *syncretism* tersebut pula, daripada bahasa Greek iaitu *synkretismos* yang bererti merangkai, menggabung dan menyatu (*Dictionay of Philosophy and Religion*, 1980). Menurut *The New Encyclopaedia Britannica* (1976), sinkretisme adalah percampuran amalan dan praktik daripada pelbagai agama ke dalam satu aliran. Menurut Reese (1980), istilah sinkretisme membawa maksud menggabungkan. Manakala menurut Kraft (2002), sinkretisme adalah menggabungkan dua idea dan amalan-amalan agama, dengan maksud sama ada salah satu mengambil sedikit atau banyak prinsip ataupun kedua-duanya bergabung menjadi satu (amalgamasi). Menurut Jurnal *al-Insan wa al-Mujtama'* sinkretisme adalah gabungan elemen-elemen yang berbeza yang diperolehi daripada sumber yang berbeza kemudian digabungkan, dicampurkan, diadunkan dan disatukan menjadi satu aliran (Zarawih, 2016). Berdasarkan definisi-definisi tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa sinkretisme adalah percampuran unsur-unsur yang berbeza, yang diperolehi daripada sumber-sumber yang berbeza, kemudian digabungkan menjadi satu aliran.

Dalam kajian ini, sinkretisme yang dimaksudkan adalah percampuran diantara ajaran pra-Islam dengan ajaran Islam yang terdapat dalam amalan *sogit* tanah. Kewujudan unsur sinkretisme ini, dikenalpasti telah wujud sewaktu proses sembelihan *sogit kepanasan kampong* dijalankan. Menurut penjelasan En. Parasin (2021) dan En. Anuar (2022), sembelihan *sogit kepanasan kampong* dilakukan oleh individu yang beragama Islam dengan mengikut ketertiban penyembelihan binatang yang digariskan dalam agama

Islam, seperti membaca *bismillah*, *bertakbir* dan menghadap kearah kiblat. Namun, niat sembelihan itu tidaklah diniatkan sepenuhnya kerana Allah S.W.T semata-mata melainkan dicampurkan dengan niat untuk mendamaikan semangat tanah kampung agar tidak berlaku perkara yang buruk yakni musibah kepada masyarakat kampung, impak daripada doa pezinaan tersebut. Umpunya, gempa bumi, ribut, kebakaran, kemarau dan seumpamanya.

En. Parasin (2021) ketika ditemu bual menjelaskan bahawa, darah sembelihan *sogit* kepanasan kampung itu akan dikumpul kedalam sebuah bekas. Kemudian, darah yang dikumpul itu ditumpahkan di suatu kawasan dalam kampung tersebut sambil mengatakan *ini adalah sogit untuk tanah ini dan supaya pelanggaran zina tidak berulang lagi di masa akan datang*. Menurut En. Annuar (2021), salah satu kawasan darah binatang tersebut ditumpahkan adalah di sungai. Menurut En. Annuar (2021) ketika menjelaskan perkara tersebut, *seolah-olah darah binatang yang mengalir disungai itu sebagai perlambangan bahawa dosa dan kesalahan telah mengalir sebagaimana air sungai itu mengalir dan hilang bagaimana warna darah binatang itu menghilang*. Berdasarkan penjelasan tersebut, jelas menunjukkan telah wujud unsur *sinkretisme* dalam amalan *sogit* tanah.

Analisis Hukum Islam

Islam adalah agama yang menerima amalan, adat, *urf*, serta kearifan tempatan yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat, kaum dan etnik (Djaenab, 2021). Namun demikian, tidak semua amalan, adat, *urf*, dan kearifan tempatan yang dimiliki oleh sesebuah kaum itu diiktiraf oleh syara'. Terutama sekali adat-adat atau amalan-amalan yang bersangkutan-paut dengan akidah, tauhid, serta iman. Menurut Marinsah dan Ramli (2017), agama Islam tidak sesekali akan berkompromi terhadap unsur sinkretisme yang berlaku dalam perkara-perkara yang melibatkan akidah Islam dengan akidah agama lain.

Hal ini demikian kerana, larangan berlaku sinkretisme dalam akidah secara jelas ditunjukkan dalam surah *al-Kafirun* ayat dua hingga enam, yang bermaksud

“Aku tidak menyembah apa yang kalian sembah; Dan kalian bukan penyembah Tuhan yang aku sembah; Dan aku tidak pernah menyembah apa yang kalian sembah, dan kalian tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah; Untuk kalian agama kalian dan untukkulah agamaku”.

Dalam memahami ayat tersebut, Hamka (1965) menjelaskan, ayat ini merupakan penegasan bahawa

antara tauhid Islam dan amalan-amalan syirik tidak boleh diharmonisasikan kerana akidah Islam sama sekali tidak boleh bercampur-aduk dengan akidah agama lain (sinkretisme). Pengkaji tertarik dengan salah satu penjelasan daripada Hamka (1965) yang menjelaskan bahawa, sebagaimana sinkretisme dalam amalan penyembahan berhala dengan ibadah solat, dan “penyembelihan binatang untuk tujuan pemujaan dengan bacaan *bismillah* ia adalah dilarang sama sekali”. Berlandaskan penjelasan tersebut, secara dasarnya unsur sinkretisme yang wujud dalam amalan *sogit* tanah ini adalah dilarang dalam agama Islam, kerana mencampuradukkan bacaan *bismillah* dan *bertakbir* ketika menyembelih binatang dengan amalan menumpahkan darah binatang sembelihan untuk mendamaikan semangat tanah. Disebalik tindakan tersebut pula, mereka mempercayai akan terlindung daripada musibah, bencana dan seumpamanya impak dari kesalahan zina tersebut.

Tambahan pula, *Sogit* tanah untuk mendamaikan tanah atau semangat tanah adalah serpihan daripada kepercayaan animisme datuk nenek moyang masyarakat Dusun yang merupakan orang-orang pagan (Mat Kib, 2003). Tindakan menumpahkan darah sembelihan di tanah atau sungai dengan beranggapan bahawa tindakan tersebut dapat melindungi mereka daripada musibah seperti kemarau, kebakaran, gempa bumi dan seumpamanya jelas adalah suatu perbuatan syirik. Pengkaji mengatakan sedemikian kerana, kepercayaan tersebut jelas bersangkutan dengan kepercayaan bahawa sesuatu selain daripada Allah S.W.T berkeupayaan untuk mendatangkan kemudharatan. Perkara ini jelas bertentangan dengan dalil al-Quran. Allah S.W.T berfirman dalam surah Yunus ayat 107;

“dan jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia; dan jika Ia menghendaki engkau beroleh sesuatu kebaikan, maka tiada sesiapa pun yang akan menghalangi limpah kurniaNya.”

Berdasarkan ayat tersebut, Imam Ibnu Kathir dalam *Tafsir al-Quran al-Azhim* (2000) menjelaskan bahawa

“sesungguhnya kebaikan, keburukan, manfaat dan bahaya hanyalah milik Allah S.W.T sahaja. Tidak ada sesuatu pun menyekutui-Nya dalam hal yang demikian. Maka hanya Allah S.W.T sahajalah yang berhak untuk diibadahi”.

Berlandaskan dalil tersebut jelas, dalam perkara memberi manfaat ataupun mudharat ianya adalah sepenuhnya hak milik Allah S.W.T semata-mata, dan perkara itu tidak dikongsi bersama semangat tanah, semangat sungai, semangat gunung, matahari dan seumpamanya yang

diyakini dalam kepercayaan animisme itu. Bahkan di dalam surah Yunus ayat 49, Allah S.W.T berfirman lagi; *Katakanlah (wahai Muhammad):*

“Aku tidak berkuasa menolak mudarat dan tidak juga berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah S.W.T”.

Dalam memahami maksud ayat tersebut, Sheikh Ahmad al-Maraghi menjelaskan bahawa, ayat tersebut menandakan bahawa segala bentuk kemudharatan dan kebaikan segalanya datang dengan kudrat dan keizinan daripada Allah S.W.T semata-mata tanpa disekuti dengan sesuatupun (al-Maraghi & Mustafa, 1946).

Dalam sebuah hadith, yang bermaksud; *al-tiyarah adalah syirik, al-tiyarah adalah syirik, al-tiyarah adalah syirik* (Nabi S.A.W menyebutnya tiga kali). Imam an-Nawawi dalam Kitab *Syarah Sahih Muslim* menjelaskan perkataan *at-Tiyarah adalah syirik* sebagai *meyakini bahawa ramalan itu dapat mendatangkan manfaat atau mudharat ketika mengerjakannya, sambil meyakini pengaruhnya, maka itu adalah suatu kesyirikan*. Bertepatan dengan *sogit* tanah yang darah binatang sembelihan itu diniatkan kepada semangat tanah, sambil meyakini bahawa dengan menumpahkan darah binatang di tanah atau sungai itu akan melindungi mereka daripada musibah. Ini menunjukkan bahawa, suatu amalan dilakukan untuk melindungi diri daripada musibah atau bencana yang bukan khusus memohon kepada Allah S.W.T. Maka jelas, ia adalah suatu kesyirikan seperti yang dijelaskan oleh Imam an-Nawawi tersebut. Kemudian, Imam an-Nawawi dalam *Syarah Sahih Muslim* menegaskan *sehingga syariat Islam menafikan hal tersebut (amalan tiyarah; melepaskan burung) menyalahkannya, melarangnya, dan mengabarkan bahawa perbuatan amalan seperti itu tidak ada pengaruh apa pun kepada mereka baik manfaat mahupun mudharat*. Berlandaskan penjelasan tersebut, jelas tindakan menumpahkan darah ke tanah atau sungai adalah suatu tindakan yang sia-sia kerana tindakan tersebut langsung tidak akan memberi sebarang pengaruh kepada kehidupan manusia sama ada memberi mudharat apatah lagi manfaat yang mereka yakini itu.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad S.A.W bermaksud *tiada ghul*. Imam an-Nawawi dalam kitab *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim* menjelaskan, makna *tiada ghul* dalam hadith tersebut adalah *tiada kepercayaan berkaitan hantu, jin atau syaitan yang dapat memberi mudharat kepada manusia*. Berlandaskan penjelasan tersebut, maka jelas apa juga jenis semangat, semangat sungai, tanah, gunung dan seumpamanya tidak akan dapat memberi sebarang mudharat dan manfaat melainkan dengan keizinan daripada Allah S.W.T. Oleh sebab itu, Imam Ibnu Kathir

(2000), mengatakan, hanya kepada Allah S.W.T lah manusia itu perlu mengabdikan diri.

Sehubungan itu, jelaslah bahawa unsur sinkretisme yang wujud dalam *sogit* tanah adalah dilarang dan bercanggah dengan agam Islam. Perkara seterusnya adalah, menilai status daging sembelihan *sogit kepanasan kampung* yang disedekahkan kepada penduduk kampung. Pengkaji melihat perkara ini dengan mengembalikan ia kepada perkara yang paling asas iaitu dengan mengetahui sebab dan tujuan asal sembelihan tersebut dilakukan (niat). Hal ini demikian kerana, setiap amalan atau tindakan adalah tergantung kepada niat. Berdasarkan kepada dalil hadith yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad S.A.W bermaksud *sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat, dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat*. Sekiranya sembelihan itu dilakukan kerana Allah S.W.T semata-mata kemudian disedekahkan kepada masyarakat kampung, maka ia harus diterima dan harus untuk dimakan. Namun sekiranya sembelihan itu asalnya diniatkan untuk Allah S.W.T namun dicampuradukkan dengan amalan syirik seperti darah sembelihan binatang tersebut diniatkan untuk mendamaikan semangat tanah, dengan keyakinan tindakan tersebut akan dapat melindungi mereka daripada ditimpa musibah selepas berlakunya perlanggaran adat (berzina) maka jelas ia adalah sesuatu yang haram. Bukankah Allah S.W.T telah berfirman dalam al-Quran surah al-Maidah ayat 3;

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah.

Bahkan, dalam *al-Mausuah al-Fiqhiyah al-Kuwaitiyah* (1983) telah digariskan syarat-syarat sah halal penyembelihan. Antaranya yang terkait dengan isu ini adalah; *tidak mencampuradukkan di antara membesarkan nama Allah S.W.T dengan selainnya. Sama ada dengan menyebutnya secara jelas ataupun tidak*. Bukankah Allah S.W.T melarang keras perbuatan mencampuradukkan tindakan yang batil semasa beribadah kepada Allah S.W.T. Dalam surah al-Kahfi ayat 110, bermaksud

“...Barangsiapa mengharapkan perjumpaan dengan Tuhannya, maka hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan seorang pun dalam beribadat kepada Tuhannya”. Imam Ibnu Kathir dalam *Tafsir al-Quran al-Azhim* (2000) menjelaskan bahawa *“yakni dengan mengerjakan amal yang semata-mata hanya kerana Allah, tiada sekutu bagiNya. Demikianlah syarat utama dari amal yang diterima olehNya, iaitu ikhlas hanya kerana*

Allah dan dibuat sesuai dengan syariat yang telah diajarkan oleh Nabi Muhammad S.A.W”.

Tuntasnya, unsur sinkretisme yang wujud dalam *sogit* tanah ini adalah bertentangan dengan agama Islam dan termasuk dalam *urf fasid* (tertolak).

Kesimpulan

Kegiatan dakwah untuk menyebarkan kefahaman Islam secara menyeluruh perlu dipergiatkan lagi oleh semua badan-badan dakwah sama ada yang diselia oleh kerajaan mahupun bukan kerajaan (NGO). Terutamanya kepada masyarakat Islam yang menetap diluar bandar (pedalaman) dan yang baru memeluk agama Islam. Antara topik dakwah yang perlu dititik beratkan adalah pemantapan akidah, pemantapan iman dan pemantapan tauhid. Akidah, iman dan tauhid yang kurang mantap akan menyebabkan agama masyarakat goyah dan mudah terkeliru dengan amalan-amalan yang kelihatan islamik namun diselimuti sinkretisme yang bertentangan dengan agama. Walaubagaimanapun, pujian tetap perlu diberikan kepada masyarakat Dusun Islam di Ranau, Sabah, kerana mereka telah berusaha untuk mengubah amalan *sogit* tanah mengikut acuan Islam. Sungguhpun begitu, usaha mereka ini perlu dibantu dan dipandu oleh para agamawan, terutamanya dalam memberi perhatian dan fokus terhadap aspek-aspek yang bersangkutan paut dengan akidah agar usaha pengislamisasian mereka ini berjaya dan bertepatan dengan syariat. Sesuai dengan prinsip maqasid syariah yang pertama, iaitu kepentingan untuk menjaga agama.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS0524-1/2019) yang telah memnbiayai penyelidikan ini.

Rujukan

Al-Maraghi & Mustafa, A. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Percetakan Mustafa al-Babi al-Halabi.

An-Nawawi. (2016). *Syarah Sahih Muslim*. Darussalam.

Appel (1986). *The Sabah Oral Literature Project*. University of Cambridge.

Dictionary Of Philosophy and Religion. (1980). Humanities Press.

Djaenab. (2021). *Hukum Adat Dalam Pembentukan Hukum Islam Di Indonesia: Konsep dan Implementasinya*. Ash-Shahabah. Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.

Hamka. (1965). *Tafsir al-Azhar*. Pembimbing Masa.

Hamid, R, A., Salbani, A, M., & Othman, S. (2013). *Merekayasa Kearifan Tempatan Melalui Bahasa*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Ibnu Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-Azhim*. Dar Ihya' Turath Arabi

Mahkamah Anak Negeri Daerah Ranau Sabah. (1995). *Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri*.

Kamus Bahasa Inggeris. (2020). *Oxford Fajar*. Companion Website.

Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait. (1983). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyah al-Kuwaitiyah*.

Kraft, S, E.(2002). To mix or not to mix: Syncretisme/ anti-syncretism in the history of theosophy. *International Review for the History of Religion*, 49(2), 142-177.

Marinsah, S, A. & Ramli, M, A. (2017). Sinkretisme dalam Adat Masyarakat Bajau di Sabah. *International Journal Islamic Thought*. 12(Dec), 83-93.

Mat Kib, M, Z. (2003). *Kristian di Sabah, 1881-1994*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pg Ismail, P, M. (2018). Amalan *Sogit* ke Atas Anak Negeri Sabah Yang Beragama Islam Di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari Perpspektif Hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19(special issue), 1-17.

Reese. (1980). *Dictionary of Philosophy and Religion*. Humanities Press Inc.

Sansalu, D. (2008). *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pemodenan, 1881-1967*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sintian, M. (2012). *Mantera atau rinait Kadazandusun: Tinjauan dalam aspek pengamal dan fungsinya dalam kehidupan*. [Conferences paper]. Terbitan bersama Universiti Sains Malaysia & Universiti Pendidikan Sultan Idris.

The New Encyclopaedia Britannica. (1976).
Encyclopaedia Britannica Inc.

Wati, A. (1978). *Pribumi Sabah: Kadazan Dusun*.
Penerbitan Yayasan Sabah.

Zarawih. (2016). *al-Insan wa al-Mujtama'*. Algeria:
Kulliyah al-Ulum al-Insaniyah wa al-Ulum al-
Ijtima'iyah, Jami'ah Tlemcen.

Temubual

En. Annuar. (2021). Wakil Ketua Anak Negeri
(WKAN). Kampung Libang, Ranau, Sabah.

En. Dualis. (2021). Ketua Anak Negeri (KAN) di
Pejabat Mahkamah Anak Negeri (MAN) Ranau, Sabah.

En. Marcus Faizal. (2021). Ketua Anak Negeri
(KAN) di Pejabat Mahkamah Anak Negeri (MAN)
Ranau, Sabah.

En. Parasin. (2021). Ketua Kampung & Ketua Adat.
Kampung Purakogis, Kundasang, Ranau, Sabah.

En. Ruhatin. (2021). Ketua Kampung & Ketua
Adat. Kampung Mesilou, Kundasang, Ranau, Sabah.

En. Samuien. (2021). Ketua Kampung & Ketua
Adat. Kampung Lipasu Lama, Karanaan, Ranau, Sabah

En. Siansim. (2021). Ketua Kampung & Ketua
Adat. Kampung Matupang, Paginatan, Ranau, Sabah

Pn. Shima. (2022). Penjawat Awam. Kampung
Libang, Ranau, Sabah.